

## **Pelakuan agresif di kalangan remaja**

### Abstrak

Fungsi sekolah sebagai sebuah institusi yang membentuk dan mendidik anak bangsa mengikut kehendak dan acuan wawasan negara merupakan satu tugas yang amat mencabar. Semua pihak yang terlibat dalam institusi sekolah seperti pihak kerajaan, pentadbir, guru, ibubapa dan murid memikul tanggungjawab yang besar dalam menentukan kejayaan generasi anak bangsa di masa hadapan. Laporan- laporan akhbar (Harian Metro, 25 Mac 2004; Berita Harian 25 Mac 2004) menunjukkan peningkatan jumlah jenayah juvana yang dilakukan oleh pelajar sekolah seperti gangsterisme, pergaduhan, rogol, seks bebas dan buli telah sedikit sebanyak menjejaskan peranan sekolah sebagai pembentuk jati diri dan pendidikan generasi masa hadapan negara. Ini ditambah lagi dengan kejadian jenayah serta pelanggaran disiplin yang serius terjadi di dalam kawasan sekolah (Utusan Malaysia, 25 Mac 2004). Masalah ini perlu ditangani dengan segera dan sebaik mungkin kerana ia bukan sahaja menjatuhkan imej sekolah sebagai institusi pembentuk jati diri dan pendidikan anak bangsa. Tetapi juga akan memberi impak kepada survival dan kemajuan negara di masa hadapan. Permasalahan pelakuan agresif yang menyalahi dan melanggar norma-norma yang terpelihara dalam masyarakat adalah merupakan salah satu persoalan yang semakin meruncing serta memerlukan satu set kaedah penyelesaian yang berkesan (Jawatan kuasa Progran Gejala Sosial Kebangsaan, 1995). Lee Lam Thye (1997) dalam wawancara di Mingguan Malaysia 8 Julai 1997 menyatakan kebanyakan remaja yang berusia 15 hingga 21 tahun terlibat dalam gejala vandalisme. Laporan yang dikeluarkan oleh Unit Displin Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, terdapat 53 jenis salah laku yang dilakukan oleh golongan pelajar. Daripada jumlah itu, sebanyak 4,035,876 kes berlaku di sekolah rendah dan selebihnya di sekolah menengah. Insiden-insiden perlakuan agresif pelajar yang berlaku sejak kebelakangan ini dan sering mendapat perhatian dari pelbagai pihak dan media-media tempatan. Kajian ini bertujuan untuk menentukan apakah faktor-faktor yang mendorong pelajar bersikap agresif dan apakah bentuk tingkah laku agresif yang dilakukan oleh pelajar mengikut persepsi pelajar di sekolah menengah di kawasan bandar Johor Bahru.